

## **Paphiopedilum barbatum**

Famili : Orchidaceae  
Genus : *Paphiopedilum*  
Nama Spesies : *Paphiopedilum barbatum*



*Paphiopedilum barbatum*, atau lebih dikenali sebagai *slipper* orkid, merupakan spesies orkid endemik bagi Semenanjung Malaysia. Semasa Ekspedisi Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Belumut, Johor, orkid ini telah dijumpai tumbuh dengan banyak di kawasan hutan pergunungan tersebut. Selain daripada mempunyai nilai harga pasaran yang tinggi, keunikan dan kecantikan spesies ini telah menjadi kegilaan para peminat orkid.

Spesies orkid ini telah banyak dikumpulkan oleh peminat orkid kerana bentuk bunganya yang menarik dan cantik. Genus *Paphiopedilum* juga merupakan subfamili Cypripedioideae yang dikenali sebagai "lady's-slippers" atau "slipper orkid" kerana labellum pada bunganya yang berbentuk seakan-akan kantung. Kantung tersebut berfungsi untuk memerangkap serangga yang menghisap nektar daripada bunganya.